

22/03/1997

Lawatan PM rapatkan hubungan Pusat, Kelantan

KOTA BHARU, Jumaat - Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, yakin lawatan kerja sehari Perdana Menteri ke Kelantan pada 4 April depan, akan dapat merapatkan hubungan antara kerajaan negeri dengan Pusat.

Beliau menyifatkan lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu bukan saja sebagai berita yang menggembirakan rakyat Kelantan, malah rakyat seluruh negara.

"Ini semua menandakan bahawa era perbalahan dan era ketajaman pergeseran (politik) antara kerajaan negeri dengan Pusat, insya-Allah semakin tumpul," katanya selepas menyampaikan ceramah mingguannya di pejabat Pas negeri di sini, hari ini.

Beliau ditanya mengenai persiapan kerajaan negeri untuk menyambut lawatan rasmi Perdana Menteri ke Kelantan pada hari itu sempena majlis menandatangani perjanjian projek Petrokimia di Pantai Senok, Bachok.

Projek menelan belanja RM2.5 bilion itu adalah usaha sama Keloil iaitu anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dengan Koperasi Usaha Bersatu Berhad (KUB).

Pada majlis itu, Dr Mahathir dan Nik Abdul Aziz dijangka menyaksikan upacara menandatangani perjanjian itu.

Sebelum ini, suatu majlis memandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara kedua-dua pihak itu diadakan di Kuala Lumpur dan disaksikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Timbalan Menteri Besar Kelantan, Abdul Halim Abdul Rahman.

(END)